

31 JUL 2002

LID-MAHATHIR (CPTM)/I

CPTM, BADAN PENTING UNTUK PEMIMPIN NEGARA KOMANWEL, KATA DR MAHATHIR

Oleh: Ahmad Fuad Yahya

LANGKAWI, 31 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyambut baik peranan penting yang dimainkan oleh Perkongsian Komanwel Bagi Pengurusan Teknologi (CPTM), kerana ia membolehkan beliau berhubung dengan banyak pemimpin negara Komanwel sejak Dialog Antarabangsa Langkawi (LID) diperkenalkan pada 1995.

Dr Mahathir berkata beliau mengilhamkan LID untuk mengumpulkan pemimpin negara-negara membangun bagi membincangkan masalah dan pertukaran maklumat.

"Kami percaya perbincangan kami telah menyumbang ke arah mengukuhkan hubungan peribadi dalam Komanwel dan pada masa yang sama, tentunya mereka dapat memahami proses mentadbirkan negara dengan lebih baik dan cara untuk membangunkan negara mereka," katanya pada satu temubual dengan Pangkalan Data Perkongsian Pintar CPTM.

Pangkalan Data berkenaan mengandungi banyak ulasan daripada rakan utama perkongsian pintar.

Dr Mahathir berkata apabila menjadi Perdana Menteri pada 1981, beliau tidak begitu tertarik dengan Komanwel, malah telah meletakkan kumpulan berkenaan ditahap yang kurang penting dalam senarai keutamaan beliau.

"Saya tidak menghadiri mesyuarat-mesyuarat Komanwel untuk beberapa sesi kerana saya percaya dalam Komanwel, kekayaan itu tidak diagihkan secara saksama, hanya untuk beberapa negara.

"Itulah sebabnya saya tidak tertarik kepada Komanwel (pada masa dahulu)," jelas beliau.

Bagaimanapun, beliau berkata bekas setiausaha agung Komanwel Sir Shridath Ramphal telah memujuk beliau untuk menghadiri mesyuarat Komanwel dan beliau menghadiri mesyuarat yang diadakan di Kepulauan Caribbean.

Seterusnya, beliau menghadiri Mesyuarat Ketua-Ketua Kerajaan Komanwel Komanwel di Vancouver, Kanada.

"Buat sementara ini, negara kita membangun dengan pantas dan kita menyedari bahawa pengalaman kita mungkin berguna untuk negara-negara Komanwel yang lain," katanya.

-- BERNAMA

AFY SHY SD NHD